

MAJLIS PENUTUP MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2013

27/04/2013

DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia;

Yang Amat Berhormat Dato' Dr Md Isa bin Sabu,
Pemangku Menteri Besar Perlis,
dan isteri Yang Amat Berbahagia Datin Asiah binti Asmuni;

Yang Amat Berbahagia Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid,
Pengerusi Permodalan Nasional Berhad
dan isteri Yang Amat Berbahagia Toh Puan Sagiyah binti Salikin;

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman
Presiden & Ketua Eksekutif Permodalan Nasional Berhad
dan isteri Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Rohani binti Mohamed;

Pengarah Urusan, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat-syarikat Kumpulan PNB;

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri;

Tan Sri-Tan Sri, Dato' -Dato', Datin-Datin;

Dif-dif Jemputan; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah izin dan kurnia-Nya, dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini di Majlis Penutup Minggu Saham Amanah Malaysia 2013.

2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada PNB kerana telah sudi sekali lagi menjemput saya dan isteri ke Majlis ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada PNB dan Rakan-Rakan Minggu Saham Amanah Malaysia, kerana telah berjaya menganjurkan agenda pendidikan pelaburan negara bagi tahun yang ke-14 berturut-turut.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Malaysia kini sedang berada di ambang negara maju. Untuk tempoh tidak sampai lapan tahun dari sekarang, Malaysia akan melalui satu fasa transformasi yang besar dan penting, yang akan menentukan sama ada kita berjaya melangkah ke gerbang negara maju apabila fajar tahun 2020 menyinsing. Dalam era transformasi ini, seluruh minda dan kudrat rakyat perlu bersatu dan digembleng untuk memacu kemajuan negara dalam persekitaran global yang lebih terbuka dan mencabar. Kita tidak boleh hanya duduk diam diri berpeluk tubuh, malah perlu mencari jalan baru untuk terus maju. Oleh kerana itulah, saya amat berharap agar program transformasi yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional akan terus disokong oleh semua lapisan

rakyat di seluruh negara.

4. Kerajaan tidak akan sekali-kali jemu mengulangi tentang perlunya negara melakukan transformasi dalam pelbagai aspek, untuk memastikan negara kita bergerak seiring dengan arus perubahan semasa global. Ini termasuklah Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar, yang semuanya digubal berlandaskan prinsip 1Malaysia: “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Satu demi satu program transformasi telah dilaksanakan oleh Kerajaan sepanjang kira-kira empat tahun lalu. Syukur Alhamdulillah, banyak kejayaan yang telah dicapai dan semua rakyat telah pun merasai nikmat daripadanya. Kerajaan akan terus memikul tanggungjawab yang telah dimandatkan oleh rakyat dalam memastikan kejayaan setiap program transformasi yang dilaksanakan.

5. Dalam hubungan ini, usaha serta peranan PNB menggembeng dana dan modal daripada masyarakat kini menjadi semakin penting. Ianya membolehkan syarikat-syarikat pelaburan PNB menjalankan pelbagai aktiviti pelaburan, khususnya dalam dua belas sektor di bawah Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA). Pelaburan baru dalam sektor-sektor yang telah dikenal pasti ini sudah tentunya akan dapat memberi manfaat besar kepada ekonomi negara keseluruhannya, terutama dalam mencipta peluang dalam menuju ke arah negara maju.

6. Kerajaan merasa bersyukur kerana PNB yang telah diilham, ditubuh dan direalisasikan sepanjang lebih 35 tahun dahulu telah melakar kejayaan demi kejayaan sepanjang tahun. Dengan sejumlah RM239.6 bilion yang kini diurus dengan baiknya oleh PNB, yang sebahagian besarnya milik 11.4 juta pelabur pelabur individu, kehadiran PNB dan syarikat-syarikat pelaburannya amat dirasai dalam segelintip sudut ekonomi dan geografi negara, malah kini telah melangkau ke peringkat global.

7. Banyak kejayaan besar telah dicapai oleh PNB dan syarikat-syarikat pelaburannya dalam tempoh 35 tahun. Golongan Bumiputera khususnya, telah membuktikan mereka bukan sahaja mampu mengurus syarikat-syarikat dengan cekap, malah kehadiran mereka kini lebih menonjol di persada dunia. Hasilnya, kekayaan negara mampu diagihkan dengan lebih baik kepada segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, tiada satu kelompok pun tercicir atau merasa terpinggir. Natijahnya, perpaduan dan integrasi antara pelbagai kaum dapat dipertingkatkan.

8. Inilah resepi kejayaan dan kemajuan negara yang diguna pakai oleh Kerajaan sejak dahulu lagi dan telah terbukti keberkesannya melalui mekanisme PNB dan unit amanahnya, iaitu strategi pertumbuhan dengan pengagihan atau ‘growth with equity’ bagi mencapai kestabilan dan perpaduan serta keamanan negara. Kelima-lima aspek ini, iaitu pertumbuhan, pengagihan, kestabilan, perpaduan serta keamanan amat saling berkait rapat antara satu sama lain, bagai aur dengan tebing. Dalam kata lain, pertumbuhan tidak akan dicapai tanpa keamanan, perpaduan dan kestabilan. Begitu juga sebaliknya, kestabilan dan perpaduan tidak akan dapat dicapai jika ekonomi tidak berkembang pesat, dan hasil atau nikmat pembangunan tidak diagih-agihkan secara berkesan di kalangan rakyat.

9. Melihat kepada kejayaan ini, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia, khususnya yang berada dalam Dewan 2020 ini, agar terus menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan oleh PNB untuk

memastikan kelangsungan dalam menjayakan Agenda Transformasi Negara. Jika sekarang PNB menguruskan RM239.6 bilion, saya yakin, jika rakyat terus memberi peluang dan sokongan kepada PNB, dana PNB ini akan terus berkembang kepada lebih RM500 bilion menjelang tahun 2020. Jika sekarang syarikat-syarikat strategik dalam Kumpulan PNB secara langsung boleh menggaji 200,000 orang dan lebih lagi, jika diambil kira peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan secara tidak langsung yang terhasil dengan adanya PNB, maka menjelang 2020 akan lebih banyak peluang pekerjaan yang dapat ditawarkan dan memberi pendapatan yang lebih tinggi kepada anak cucu kita semua.

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

10. Kejayaan yang dicapai oleh PNB tidak hanya dibantu dan dinikmati oleh masyarakat Bumiputera sahaja. Dalam Kumpulan PNB, para pengurus dan pekerjaanya juga terdiri daripada kaum-kaum lain di Malaysia yang sama-sama berusaha keras membangun dan memajukan syarikat-syarikat. Begitu juga dengan keuntungan yang telah diperolehi oleh syarikat-syarikat, ianya tidak hanya dinikmati oleh kaum Bumiputera, malah juga seluruh kaum lain termasuk mereka yang di bandar dan luar bandar, malah di kawasan pedalaman hatta di kawasan terpencil Sabah dan Sarawak. Begitu juga, mereka yang berpendapatan tinggi atau rendah, hatta yang miskin tegar sekalipun diberi perhatian oleh PNB melalui pelbagai skim khusus yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk golongan tersebut melabur seperti ASB-PPRT, ASB-Sejahtera, ASW-Bandar dan SARA 1Malaysia. Bilangan pemegang unit Bumiputera yang melabur dengan PNB adalah 89 peratus daripada jumlah keseluruhan, yang memiliki lebih kurang 84 peratus dana unit amanah yang diurus PNB. Baki 11 peratus merupakan pemegang unit bukan Bumiputera dengan pegangan dana unit amanah lebih kurang 16 peratus.

11. Melalui pegangan pelabur-pelabur dalam unit-unit amanah kendalian PNB, rakyat juga telah berupaya membina aset kewangan mereka untuk masa akan datang di samping menikmati pulangan dalam bentuk agihan pendapatan dan bonus yang kompetitif. Misalnya, kadar agihan pendapatan yang dibayar Skim Amanah Saham Bumiputera ialah 7.75 sen seunit dan bonus 1.15 sen seunit tahun lepas, sementara yang terbaharu diumumkan pada bulan Mac tahun ini iaitu Amanah Saham Malaysia dan tiga tabung di bawah Amanah Saham Gemilang, pada kadar sekitar 6.50 sen seunit hingga 7.30 sen seunit. Ini merupakan kadar yang amat baik dibandingkan dengan instrumen yang serupa seperti deposit tabungan di bank yang menawarkan kadar faedah sekitar 1.00 peratus dan simpanan tetap pada kadar antara 2.90 peratus sehingga 3.20 peratus bagi tempoh 1 bulan hingga 12 bulan. Malah, pelaburan tuan-tuan dan puan-puan di PNB juga dapat melindungi nilai daripada hakisan inflasi, memandangkan juga inflasi pada tahun lepas berkadar 1.60 peratus berbanding 3.2 peratus pada tahun sebelumnya.

12. Kejayaan PNB mempamerkan rekod pengagihan pendapatan yang baik mencerminkan strategi pelaburannya yang berhemah. Sepanjang kewujudan ASNB, lebih RM103.5 bilion telah diagihkan kepada para pelabur dan sudah pastinya pengagihan pendapatan ini memberi pendapatan tambahan dan sampingan untuk digunakan bagi pelbagai tujuan seperti menampung pembiayaan sekolah anak-anak, membaiki rumah, modal memulakan perniagaan dan lain-lain. Maka itu, saya percaya instrumen unit amanah yang Kerajaan perkenalkan menerusi PNB adalah satu instrumen pelaburan terbaik, bermodal rendah, berisiko rendah, mudah dilanggan di lebih 1,600 pejabat-pejabat ejen ASNB di serata negara, malah kini boleh dilanggan menerusi

perbankan internet Maybank, CIMB Bank, RHB Bank dan juga Affin Bank. Malah, dana-dana unit amanah ini boleh dilanggan oleh pelbagai peringkat umur seawal usia enam bulan ke atas.

13. Akhir kata, tahniah saya ucapkan kepada PNB, ASNB dan Kerajaan Negeri Perlis, serta syarikat-syarikatnya yang bertindak sebagai Rakan MSAM 2013, atas kejayaan menganjurkan satu lagi edisi MSAM, iaitu Edisi Khas Ke-14 yang melengkapkan penjelajahannya ke seluruh negara dari Kuala Lumpur ke Sabah dan Sarawak, hinggalah ke Perlis.

14. Harapan saya, MSAM ini terus dapat memanfaatkan rakyat sebagai platform pendidikan yang mampu meningkatkan kefahaman rakyat tentang pelaburan dan unit amanah, sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat sekalian.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini menyempurnakan Majlis Penutup MSAM 2013 Edisi Khas Ke-14.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.